

KHUTBAH JUMAAT
“BAHAYA DENGGI”
(28 Jun 2019M/ 24 Syawal 1440H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي بَعَثَ خَيْرَ نَبِيِّ أُرْسِلَ لِلْأَنَامِ، وَأَنْزَلَ مَعَهُ الْكِتَابَ تَبَيَانًا لِكُلِّ شَيْءٍ وَبُرْهَانًا لِلْأَوْهَامِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، حَبِيبِنَا الْكَرِيمِ، وَرَسُولِنَا الْعَظِيمِ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ :

... إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan, ketaqwaan dan semangat ukhuwwah dalam kehidupan seharian kerana dengan keimanan dan ketaqwaan yang jitu serta ukhuwwah yang kukuh akan menjadi wadah untuk kita mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Sehubungan itu, khatib pada hari ini akan membicarakan tajuk **“Bahaya Denggi”**.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Setiap insan tidak terkecuali daripada dijangkiti penyakit. Oleh itu, kita perlulah sentiasa peka terhadap situasi gejala penyakit yang

berlaku di sekeliling kita. Demam denggi bukanlah perkara baru dalam masyarakat kita. Cuma sejak kebelakangan ini, penyakit ini semakin meningkat. Sehingga 10 Jun 2019, Sarawak telah mencatatkan 762 kes demam denggi berbanding 219 kes bagi tempoh sama pada tahun 2018. Daripada jumlah tersebut, Bahagian Kuching dilaporkan mempunyai kes tertinggi iaitu 264 dan diikuti oleh Miri (98 kes), Betong (95 kes), Sibu (73 kes), Serian (46 kes), Kapit (44 kes), Samarahan (40 kes), Sarikei (38 kes), Bintulu (24 kes), Limbang (18 kes), Sri Aman (16 kes) dan Mukah (enam kes).

Bagi mengatasi penularan penyakit demam denggi ini, kita perlulah sentiasa peka dan mengambil tahu tentang gejala penyakit demam denggi, serta mendapatkan rawatan segera jika mengalami demam atau terdapat tanda-tanda dijangkiti penyakit ini. Penyakit ini boleh membawa kematian sekiranya diambil mudah dan tidak ditangani dengan bersungguh-sungguh.

Peningkatan kes demam denggi ini adalah petunjuk bahawa amalan kebersihan tidak diambil peduli oleh sesetengah individu dalam masyarakat. Sama ada kita sedar atau tidak, perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini, bukan sahaja mengundang penyakit bahkan menyebabkan perbelanjaan mengurus meningkat. Justeru, bagi mengurangkan permasalahan ini, kita yang mengaku sebagai umat Islam perlulah menjaga kebersihan menurut lunas-lunas

Islam, mempunyai kesedaran yang tinggi, mematuhi undang-undang serta peraturan yang ditetapkan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sikap membudayakan amalan kebersihan adalah bukti kekuatan akidah seseorang dan sikap ini disukai oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah al-Baqarah, ayat 222 :

... إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ ﴿٢٢٢﴾

Maksudnya : ... *Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri.*

Apa yang membimbangkan kita, terdapat segelintir manusia yang bersikap sambil lewa dalam mengelakkan diri agar tidak terjerumus ke dalam kemudaratan sedangkan perbuatan ini amat dilarang oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* juga melarang umatnya melakukan perkara yang memudaratkan orang lain melalui tindakannya. Sabda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* :

((لَا ضَرَّارَ وَلَا ضَرَّارَ))

Maksudnya : *Tiada mudarat dan tidak memudaratkan.*

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Islam adalah agama yang mengambil berat tentang kesucian dan kebersihan sehingga menjadikannya sebahagian daripada iman, sebagaimana hadis Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* :

((الطُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ))

Maksudnya : *Kesucian itu sebahagian daripada iman.*

Begitu juga apabila kita melihat kepada perintah Allah *subhanahu wata'ala* serta larangan-Nya, antara hikmahnya adalah demi menjaga kebersihan sama ada luaran dan dalaman diri, tempat dan pakaian. Oleh itu, mimbar menyeru ibu bapa supaya membimbing dan mengajar ahli keluarga tentang aspek kebersihan.

Masyarakat juga perlu berganding bahu dalam menjamin kawasan kediaman seperti di kampung-kampung dan taman-taman perumahan, agar bersih dan bebas daripada tempat pembiakan nyamuk. Berdasarkan pemerhatian, terdapat perkaitan yang kuat bahawa mereka yang mementingkan kebersihan adalah mereka yang bertamadun atau dengan kata lain, keluarga yang mementingkan kebersihan adalah keluarga yang bertamadun.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Demam denggi adalah penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus denggi yang dibawa oleh nyamuk aedes. Nyamuk aedes bergerak aktif pada waktu senja dan awal pagi. Belum ada ubat

yang khusus untuk merawat penyakit ini. Namun, rawatan awal boleh menyelamatkan nyawa.

Nyamuk aedes bertelur dan membiak dalam takungan air jernih yang terdapat di dalam dan di luar rumah. Tempat takungan air tersebut adalah seperti pam tandas, kolah mandi, piring pasu bunga serta tempayan air. Manakala di luar rumah pula adalah seperti tunggul pokok buluh, salur air hujan, kolam ikan terbiar, bekas minuman burung di dalam sangkar, tempurung kelapa, tayar, tin kosong serta bekas-bekas terpakai yang boleh menakung air.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mereka yang dijangkiti demam denggi akan mengalami demam kuat yang mengejut, terdapat ruam merah pada kulit, sakit teruk pada otot dan sendi serta hilang selera makan. Oleh itu, adalah penting bagi kita semua untuk mengambil langkah-langkah pencegahan bagi memastikan penyakit demam denggi ini tidak berlaku kepada diri kita dan ahli keluarga kita. Sebagai individu, kita boleh melindungi diri daripada gigitan nyamuk aedes yang membawa virus denggi. Langkah memakai baju berlengan panjang dan seluar panjang, menggunakan bahan atau alat penghalau nyamuk serta menghadkan aktiviti di luar rumah pada waktu puncak nyamuk aedes aktif menggigit, iaitu dari lebih kurang dari pukul 5.30 petang hingga 8.00 malam dan 5.30 pagi hingga 8.00 pagi dapat mengurangkan risiko digigit nyamuk aedes.

Selain itu, kita juga perlu menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes di dalam dan di luar kediaman kita. Luangkan 10 minit sahaja setiap minggu, cari dan musnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk. Masyarakat setempat perlu bekerjasama menjalankan aktiviti gotong-royong bersama-sama dengan jiran, pertubuhan-pertubuhan dan rukun tetangga untuk membersihkan persekitaran perumahan secara berkala agar tempat-tempat pembiakan atau yang berpotensi, berjaya dihapuskan sama sekali.

Pastikan juga kita sentiasa memberi kerjasama kepada kakitangan pejabat kesihatan setempat dan pihak berkuasa tempatan ketika kawalan dan semburan dijalankan. Aktiviti-aktiviti ini dapat mengurangkan penyebaran demam denggi. Sekiranya terdapat anggota keluarga atau penduduk setempat yang mengalami demam atau tanda-tanda demam denggi segera dapatkan rawatan di klinik-klinik kesihatan atau hospital yang berdekatan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Usaha bersama individu dan masyarakat adalah sangat penting dalam mencegah dan membendung penularan penyakit demam denggi ini, di samping peranan yang dimainkan oleh pihak berwajib. Ini kerana setiap daripada kita mempunyai peranan yang signifikan berkaitan isu kesihatan ini.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah ar-Rum, ayat 41 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا

لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

Maksudnya : *Telah timbul berbagai kerusakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. وَارْضَ
اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ
الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا
قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunkanlah dosa dan kesalahan kaum muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat, sama ada yang masih hidup ataupun yang telah meninggal dunia. Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia ini, lebih-lebih lagi di akhirat kelak.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khususnya kepada *Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia*, dan juga

pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya *Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak*.

Ya Allah, kami bersyukur ke hadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara kami, khususnya Negeri Sarawak yang tercinta ini, sebagai sebuah negeri yang maju dan sejahtera.

Justeru, kami pohon ke hadrat-Mu ya Allah, buat kami semua dan generasi muda dalam kalangan remaja dan belia generasi pelapis negara dan negeri kami ini, kukuhkanlah iman kami, tingkatkanlah amal ibadah kami, suburkanlah peribadi kami dengan budi pekerti dan akhlak yang mulia, eratkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan keterampilan yang bermanfaat, bimbinglah kami ke jalan yang Engkau redhai, hindarkanlah kami daripada terlibat dalam apa jua unsur negatif yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga, masyarakat dan negara, lindungilah kami daripada ujianmu seperti banjir besar, kemarau panjang, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan kebuluran. Kami berlindung dan bermohon denganMu Ya Allah, semoga negeri kami akan sentiasa bertambah aman, makmur dan berkat.

رَبَّنَا أُتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ
الْعَالَمِينَ. عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ.
وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ
يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.